

09/08/1999

PPKB5 tidak menghampakan

L C Fang

MAJLIS pengucapan puisi di Kelantan sememangnya jarang mengecewakan peminat sastera, malah meletakkan khalayak pendengar pada posisi yang selesa tanpa tekanan melalui puisi yang terlalu serius.

Bukan tidak gemarkan puisi serius, tetapi trend penggiat di negeri itu kini dilihat lebih ke arah penjanaan semangat juang menerusi puisi ringan yang bersahaja, yang ada kalanya mengundang senyum pendengar.

Sekali pun sebahagian besarnya membicarakan perkara serius, termasuk soal moral dan harga diri, ia sengaja diucapkan menerusi untaian humor. Kelucuan bait puisi dengan wajah selamba penyair sebenarnya menyerlahkan perkembangan baru sastera di negeri itu, ia mengajak manusia berfikir dalam gelak.

Adalah dijangka lebih banyak puisi ala komedi yang kuat dan padu dengan erti kehidupan realiti muncul, sebagaimana yang kita lihat sejak akhir-akhir ini banyak sajak turut menggunakan bahasa daerah Kelantan yang mampu menghuraikan makna lebih tepat dan mendalam..

Karya sedemikian termasuk, puisi Awang Gedebe dan Puok Kito karya Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), A Aziz Deraman. Begitu juga puisi Oghe Daghak Masuk Banda (Wan Asyiah Nawang) yang membicarakan budaya hidup masyarakat setempat secara sinis.

Kemunculan puisi humor bermutu kini dilihat sebagai satu aliran baru yang mampu dijadikan umpanan dalam mengajak pendengar berfikir secara fleksibel, malah ungkapan yang melucukan lebih mudah meresap dalam pemikiran pendengar.

Trend ini turut menular pada majlis Pengucapan Puisi Kota Bharu - 5 (PPKB5) minggu lalu berjaya menemukan penganjur dengan sentuhan sebenar, majlis kali ini bukan sja meriah dengan penampilan selebriti Roy (Kapilla), malah riuh ketawa khalayak digeletek puisi sinis yang mantap.

Walaupun majlis dimulakan dengan laungan puisi patriotik oleh Sutung Umar RS melahirkan keluhuran rakyat yang mendabik dada kerana memiliki seorang insan pemimpin jati bernama Mahathir, ia berjaya mengajak himpunan peminat sastera menilai sendiri kewibawaan Perdana Menteri yang menjadikan Malaysia antara nama gah di persada antarabangsa.

Tidak keterlaluan jika dikatakan PPKB5 adalah yang terbaik, bukan saja berjaya menampilkan barisan penyair berwibawa yang tidak asing lagi kepada peminat sastera tempatan, malah penampilan Roy turut membuktikan sebahagian besar selebriti kita tidak kehausan bakat berpuisi.

Acara bulanan PPKB yang dianjurkan bersama oleh Gabungan Penulis Muda Kelantan (Gema); Persatuan Penulis Nasional (Pena); Berita Harian Sdn Bhd dan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan kali ini agak berlainan dari segi persembahan apabila ia dilangsungkan mengikut konsep pentas terbuka.

Dengan mengalih lokasi daripada dalam dewan ke tempat terbuka (medan letak kereta) di perkarangan Gelanggang Seni, jurang antara khalayak dengan penyair tidak lagi terbatas. Cara ini ternyata meningkatkan penghayatan terhadap puisi yang dilontarkan.

Haluan puisi kali ini agak bebas, sebebaskan penyair bangun dan duduk dalam kelompok khalayak. Sutung dengan judul Perjuangan Bangsaanya, pelakon Kamarul Yusuf (walaupun tidak diundang, namun kemunculannya menghangatkan suasana) dengan isu insan sesat, selain beberapa penyair dengan puisi kemanusiaan.

Seperti diakui, sastera itu fleksibel, ia mampu berubah dan menyesuaikan

diri dengan perkembangan sekitar yang terkini. Bahang pilihan raya umum turut membakar ilham penyair Wadi Leta SA, Mustafa Jusoh dan Abdul Hadi Yusof yang menggemakan puisi sinis politik.

Wadi Leta menyindir ahli politik Pak Kaduk yang sanggup melakukan sebarang tindakan bodoh hanya kerana fanatik kepada politik. Hayati bait berikut:

Lompat si katak lompat, lompat di tepi bukit
bijak mengampu dan menjilat, cepat dapat kuasa dan duit
anak rusa dara, baru bengkak tetek
buang sanak saudara, semuanya kerana politik
buai laju-laju, sampai atas pokok
tanggalkan kain baju, buat pemedang dan sepanduk.

Sesungguhnya, PPKB-5 adalah yang terbaik, bukan saja tidak membosankan, malah gema ketawa cukup menghuraikan kepuasan peminat sastera.

Tentu sekali tidak ada pihak yang perlu gusar atau memandang sebelah mata dengan perkembangan puisi di Kelantan sekarang, biarkanlah ia terus berkumandang dalam nada sinis tetapi penuh erti selagi keceriaannya mampu mengulit khalayak.

Satu cadangan untuk pihak penganjur, PPKB sebenarnya mempunyai tanggungjawab lebih luas terhadap perkembangan sastera dan budaya setempat, luangkanlah sedikit ruang kepada pengerusi majlis untuk membuat pengumuman mengenai karya terbaru, khususnya antologi yang berada dalam pasaran.

(END)